

27 JUN 2000

Mahathir-Sejarah/I

DR MAHATHIR SERU NEGARA ISLAM JANGAN ULANGI KESILAPAN LAMPAU

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kebanyakan negara Islam kerana tidak menghiraukan pengajaran daripada kesilapan lepas sedangkan mereka terus diancam oleh bahaya globalisasi.

Perdana Menteri berkata, sejarah menunjukkan kesilapan yang berlaku di zaman dahulu berulang dalam bentuk yang lebih kurang sama dan oleh sebab itu negara-negara Islam terus menghadapi akibat yang sama.

Beliau berkata di masa lepas, Islam berjaya dalam menyatukan kumpulan-kumpulan yang berpecah dan akhirnya membawa kepada pembentukan empayar serta tamadun Islam yang terbesar dari China hinggalah ke Sepanyol.

"Tetapi proses pengislaman dunia terhenti kerana umat Islam kembali ke sikap mereka sebelum memeluk Islam. Mereka mula bertelagah dan bergaduh dengan satu sama lain, mewujudkan kerajaan-kerajaan kecil, menolak kesetiaan mereka terhadap Islam kerana lebih mementingkan kesetiaan kepada pemimpin tempatan dan negara mereka.

"Mereka terlalu taksud dengan pentakrifan dan perumusan undang-undang Islam dan mereka bertelagah akan siapa betul dan siapa yang salah. Masing-masing cuba memperkecilkan yang lain dalam keghairahan beragama," kata beliau semasa merasmikan sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM), di sini.

Dr Mahathir berkata, oleh kerana terlalu taksud dengan debat-debat yang tidak ada penghujung mengenai undang-undang dan amalan Islam, penganutnya mengabaikan aspek pertahanan sehinggakan tentera Islam menjadi lemah dan wilayahnya ditakluki satu persatu oleh tentera bukan Islam.

Beliau berkata agama juga mengajar bahawa persaudaraan amat penting bagi survival dan kejayaan.

Tamadun Islam, kata beliau, pernah menjadi paling berkuasa dan termaju oleh kerana pematuhan umat Islam kepada ajaran Islam untuk mencari ilmu yang membolehkan mereka menguasai ilmu sains, matematik dan kesenian tamadun terdahulu.

Dr Mahathir berkata, umat Islam kemudian menolak usaha mencari ilmu kecuali yang hanya berkaitan dengan agama.

Mereka gagal memerhatikan perubahan yang berlaku di Eropah hasil daripada pengetahuan yang diperolehi oleh penduduk benua itu daripada orang Islam sehingga membawa kepada revolusi perindustrian, kata beliau lagi.

"Dan apabila muncul era perindustrian, umat Islam tidak mempunyai bahagian dalamnya. Sebaliknya, mereka menolaknya kerana menganggap ia adalah ciptaan syaitan. Industri Islam terus tercicir, produk keluaran tangan mereka tidak dapat menandingi produk keluaran Eropah.

"Yang lebih malang lagi ialah umat Islam terpaksa menggunakan produk-produk industri barat. Sudah pasti mereka memerlukan senjata baru yang dimajukan oleh Barat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, adalah jelas yang umat Islam ketinggalan dalam mencari ilmu yang akhirnya menyebabkan mereka tidak berupaya memajukan negara mereka dan bersaing dengan negara-negara maju yang baru.

-- BERNAMA

MAM PR